

SOALAN NO. 47**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI BESAR)**

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Besar) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah keberkesanan program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) dan berapakah jumlah usahawan wanita yang telah berjaya dilahirkan menerusi program ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita juga telah membantu golongan wanita serta ibu tunggal untuk meningkatkan penglibatan diri dalam bidang keusahawanan. Antara bantuan keusahawanan yang telah diberikan adalah melalui Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita).

Sejak program I-KIT ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 sehingga Disember 2016, seramai 5,294 wanita yang telah menyertai program ini, seramai 2,359 iaitu 44.6% orang wanita telah berjaya menjadi usahawan selepas menyertai program ini.

Bagi program I-KeuNita pula, mula diperkenalkan pada tahun 2010 sehingga Disember 2016 menunjukkan daripada seramai 8,510 wanita yang telah menyertai program ini dan seramai 1,446 iaitu 17% orang wanita telah berjaya menjadi usahawan selepas menyertai program ini.

Kajian Impak Keberkesanan Program (I-KIT) dan I-KeuNita 2015 telah dibuat untuk mengkaji sejauhmana program I-KIT dan I-KeuNita memberi impak ke atas kualiti hidup dan ekonomi peserta. Kajian juga menganalisis sama ada program ini memenuhi keperluan peserta dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sokongan dan mendapatkan cadangan penambahbaikan program I-KIT dan I-KeuNita di masa hadapan. Dapatan kajian bagi saiz sampel seramai 311 peserta dari enam zon iaitu utara, tengah, timur, selatan, Sabah dan Sarawak mendapati peserta berjaya melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi (88.1%). Sebanyak 49.2% berjaya meningkatkan pendapatan atas 100%, manakala 16.4% berjaya meningkatkan pendapatan sekitar 75-100%. Peningkatan daripada aspek kemahiran juga menunjukkan peningkatan yang melebihi 95%.

Bermula pada tahun 2017, JPW telah mengambil inisiatif bagi menambah baik pelaksanaan program pemerksaan ekonomi wanita ini agar dapat memberi lebih impak dan manfaat dan JPW juga telah menzahirkan satu inisiatif baru iaitu inisiatif penjenamaan semula nama program I-KIT/I-KeuNITA kepada *Development of Women Entrepreneur Initiatives* atau lebih dikenali dengan DeWI. Program DeWI dijalankan secara

menyeluruh dan tidak menfokuskan kepada sesuatu kawasan parlimen atau daerah sahaja. Program dilaksana dengan menjalin kerjasama strategik (NBOS) dengan pusat-pusat pembelajaran awam (Kolej Komuniti/Giat Mara) dan agensi-agensi seperti INSKEN, SME Corp, Mdec. Negeri-negeri ditetapkan kluster program ikonik. Program ikonik negeri adalah seperti di bawah:

Bil.	Negeri	Program
1.	Perlis	Produk kreatif: berasaskan kristal
2.	Kedah	Produk Pelancongan: Kraftangan
3.	Pulau Pinang	Produk Pelancongan: Makanan
4.	Perak	Kraftangan: Kain Perca/Tekat
5.	Selangor	Mobile Spa
6.	WP Kuala Lumpur	Mobile Spa
7.	Negeri Sembilan	Fotografi Pelancongan
8.	Melaka	Produk Makanan Tradisional dan Hamper
9.	Johor	Pastri and baked goods
10.	Pahang	Minyak Kelapa Dara dan Produk Herba
11.	Kelantan	Kecantikan, manicure, pedicure, henna
12.	Terengganu	Kraftangan berasaskan Batik/Songket

14.	WP Labuan	Produk berasaskan Makanan dan Kraftangan
15	Sabah	Produk berasaskan Seaweed
16.	Sarawak	Tudung Sulam, Produk Berasaskan Manik, Kek Lapis